

Headline	TNB ambil alih 51peratus projek loji janakuasa		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	05 May 2017	Language	Malay
Circulation	179,231	Readership	537,693
Section	Bisnes	Page No	68
ArticleSize	36 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,492		



Kuala Lumpur

TNB ambil alih 51% projek loji janakuasa

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil alih 51 peratus kepentingan dalam Southern Power Generation Sdn Bhd (SPG), syarikat tujuan khas bagi pembangunan loji janakuasa gabungan kitaran turbin gas 2 x 720 MW di Pasir Gudang, Johor pada anggaran harga RM4.7 bilion.

Sebelum itu, SIPP Energy Sdn Bhd memiliki 100 peratus ekuiti dalam SPG dan apabila selesai pengambilalihan itu, SPG akan menjadi anak syarikat TNB.

Projek berkenaan dijangka mencapai tarikh operasi komersialnya pada 1 Julai 2020.